

**POLISI ANTI RASUAH**  
**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM MELAKA**  
**(PERPUSTAM)**

- a. PERPUSTAM komited untuk melaksanakan kod etika mengenai larangan rasuah kepada semua anggota kerja dan aktiviti PERPUSTAM dan perhubungannya dengan pihak-pihak yang berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.
- b. Polisi ini adalah bertepatan dan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan.
- c. Polisi ini juga bersesuaian dengan halatuju PERPUSTAM iaitu visi, misi, pelan strategik dan aspirasi negara.
- d. Polisi ini terpakai kepada semua warga PERPUSTAM dan pihak-pihak berkepentingan dalam urusan PERPUSTAM dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif anti rasuah.
- e. Ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan PERPUSTAM komited untuk melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah dan melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001:2016).
- f. Melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, PERPUSTAM sentiasa memberi ruang kepada warga PERPUSTAM dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah di dalam PERPUSTAM.
- g. PERPUSTAM komited untuk sentiasa menambahbaik keperluan-keperluan di bawah Polisi Anti Rasuah ini dari masa ke masa.
- h. Jawatankuasa Fungsi Pematuhan yang mempunyai kuasa dan bebas diwujudkan untuk memantau pematuhan kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah secara menyeluruh dan melaporkan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan Tadbir Urus dan Pihak Pengurusan Atasan.
- i. Tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil ke atas warga PERPUSTAM yang gagal mematuhi Polisi Anti Rasuah ini.

  
.....  
**YB DATUK NOOR EFFANDI BIN AHMAD**  
**PENGERUSI**  
**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM MELAKA**  
**(PERPUSTAM)**